



KEMENTERIAN KERJA RAYA

MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

### MAJLIS PERASMIAN PROJEK MEMBINA JALAN DARI 2 LORONG KEPADA 4 LORONG DARI PERMATANG PAK ELONG (SEK.773) HINGGA JAMBATAN MERDEKA (SEK.782) SEBERANG PERAI UTARA, PULAU PINANG

**KEPALA BATAS, PULAU PINANG** — Majlis Perasmian Projek Membina Jalan Dari 2 Lorong Kepada 4 Lorong Dari Permatang Pak Elong Hingga Jambatan Merdeka Seberang Perai Utara, Pulau Pinang telah berlangsung hari ini bagi menandakan penyiapan projek untuk diserahkan kepada Kementerian Kerja Raya (KKR).

Hadir menyempurnakan majlis tersebut ialah Menteri Kanan Kerja Raya, YB Dato' Sri Haji Fadillah Bin Haji Yusof bersama YB Dato' Sri Reezal Merican Bin Naina Merican, Ahli Parlimen Kepala Batas yang juga merupakan Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan. Turut hadir ke majlis tersebut ialah Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya, Ketua Pengarah Kerja Raya dan Pengarah Pembangunan Negeri Pulau Pinang.

Projek ini telah diluluskan di bawah Rancangan Malaysia ke-11, *Rolling Plan 1* dengan nilai sebanyak RM340,390,000 kepada Kementerian Kerja Raya Malaysia selaku Kementerian Pelanggan dan Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia sebagai Agensi Pelaksana.

Pelaksanaan projek ini akan meningkatkan taraf perkhidmatan jalan ini daripada *Level of Service* (LOS) F kepada LOS C seterusnya mengurangkan kesesakan serta turut mengurangkan tempoh perjalanan pengguna. Selain itu, dengan pelebaran jalan ini juga dapat meningkatkan taraf ekonomi penduduk setempat disamping menyusun semula pembangunan di tepi jalan sedia ada. Penyiapan projek ini telah memberi jaringan prasarana jalan raya yang lebih selesa dan selamat kepada pengguna jalan raya yang berulang-alik dari Pulau Pinang dan Kedah.

**Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia**

✉ [WWW.KKR.GOV.MY](http://WWW.KKR.GOV.MY) ✉ [PRO@KKR.GOV.MY](mailto:PRO@KKR.GOV.MY) ✉ [KEMENTERIAN KERJA RAYA](#) ✉ [KKR\\_MALAYSIA](#) ✉ [@MOWORKS](#) ✉ [KEMENTERIAN KERJA RAYA OFFICIAL](#)

Tel : 03 8000 8000 / D.L : 03 2771 4616 / 4627 | Faks : : 03 2711 1101

Jalan Sultan Salahuddin,  
50580 Kuala Lumpur



KEMENTERIAN KERJA RAYA

MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

Projek ini telah mula dilaksanakan pada 19 Disember 2017 dengan skop utama projek ini adalah melibatkan kerja-kerja seperti berikut: -

- i. Menaiktaraf Jalan Persekutuan FT001 sepanjang 9km bermula Kg. Permatang Pak Elong (Sek.773) Ke Jambatan Merdeka (Sek.782)
- ii. Menaiktaraf jalan sedia ada menjadi 4 lorong 2 hala (Dual Carriageway) *standard R5*
- iii. Menaiktaraf jambatan dan pembentung sedia ada
- iv. Menaiktaraf persimpangan sedia ada
- v. Pemasangan lampu-lampu jalan, lampu-lampu isyarat, perabot jalan dan sebagainya
- vi. Menaiktaraf sistem perparitan sedia ada
- vii. Menjalankan kerja pengalihan utiliti
- viii. Pengambilan balik tanah

Pihak JKR Malaysia telah melaksanakan projek ini secara Konvensional Perunding melalui Cawangan Jalan sebagai Pengurus Program. Pihak Perunding yang dilantik adalah Kastri Engineers Sdn. Bhd. manakala syarikat Sinar Mec Sdn. Bhd. sebagai kontraktor utama bagi projek ini.

Projek ini telah berjaya disiapkan sepenuhnya dan Sijil Perakuan Siap Kerja (CPC) telah dikeluarkan pada 20 April 2022 iaitu 15 hari lebih awal daripada tarikh siap sebenar. Projek ini juga telah berjaya diserahkan kepada pihak KKR dengan pencapaian “13 dalam 1” iaitu melibatkan aspek-aspek seperti yang berikut:

**Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia**

🌐 [WWW.KKR.GOV.MY](http://WWW.KKR.GOV.MY) 📧 [PRO@KKR.GOV.MY](mailto:PRO@KKR.GOV.MY) 📱 [KEMENTERIAN KERJA RAYA](#) 📱 [KKR\\_MALAYSIA](#) 📱 [@MOWORKS](#) 📱 [KEMENTERIAN KERJA RAYA OFFICIAL](#)

Tel : 03 8000 8000 / D.L : 03 2771 4616 / 4627 | Faks : : 03 2711 1101

Jalan Sultan Salahuddin,  
50580 Kuala Lumpur



KEMENTERIAN KERJA RAYA

MALAYSIA

# KENYATAAN MEDIA

- I. Serahan *Sijil Certificate Of Practical Completion* (CPC)
- II. Serahan As Bulit Drawing telah dibuat sebelum CPC
- III. Penyata perakuan muktamad (SOFA) dikeluarkan dalam tempoh 2 bulan daripada pengeluaran CPC
- IV. Penjimatan kos dari kos kontrak asal
- V. Zero major defect
- VI. Pematuhan sepenuhnya Kualiti Alam Sekitar
- VII. Pematuhan sepenuhnya Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
- VIII. Zero Lost Time Injuries (LTI), sifar kemalangan
- IX. Pematuhan penuh SOP Covid-19
- X. Penyerahan Coffee Table booklet
- XI. Penggunaan lampu LED cekap tenaga yang menyokong teknologi hijau
- XII. Pematuhan IRI jalan baru 100%
- XIII. Pematuhan RSA

Majlis ditutup dengan *Flag Off* oleh YB Dato' Sri Haji Fadillah Bin Haji Yusof bersama YB Dato' Sri Reezal Merican Bin Naina Merican dengan pemberian cenderahati kepada pengguna jalan raya tersebut.

**KEMENTERIAN KERJA RAYA**  
**11 SEPTEMBER 2022**

**Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia**

✉ [WWW.KKR.GOV.MY](http://WWW.KKR.GOV.MY) ✉ [PRO@KKR.GOV.MY](mailto:PRO@KKR.GOV.MY) ✉ [KEMENTERIAN KERJA RAYA](#) ✉ [KKR\\_MALAYSIA](#) ✉ [@MOWORKS](#) ✉ [KEMENTERIAN KERJA RAYA OFFICIAL](#)

Tel : 03 8000 8000 / D.L : 03 2771 4616 / 4627 | Faks : 03 2711 1101

Jalan Sultan Salahuddin,  
50580 Kuala Lumpur